KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	29.06.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	TNB			

ISU TARIF BIL ELEKTRIK

Tiada kenaikan antara 1 Julai - 31 Disember ini

Putrajaya: Pengguna domestik kategori kediaman serta pengguna bukan domestik seperti komersial dan industri di Semenanjung Malaysia tidak akan mengalami kenaikan bil elektrik bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2022 melalui pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT).

Suruhanjaya Tenaga (ST) berkata, pelaksanaan mekanisme ICPT itu membolehkan pemberian rebat 2 sen/kWj dikekalkan serta tiada surcaj dikenakan untuk pengguna domestik manakala surcaj 3.70 sen/kWj untuk pengguna bukan domestik dikekalkan.

ST dalam kenyataannya semalam memaklumkan jumlah keseluruhan peruntukan pemberian rebat dan kos surcaj ICPT ditanggung kerajaan adalah sebanyak RM5.8 bilion.



JUMLAH keseluruhan peruntukan rebat dan kos surcaj ICPT ditanggung kerajaan ialah RM5.8 bilion.

Menurut ST, kerajaan pada 24 Jun (2022) bersetuju pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT bagi pengguna di Semenanjung dilaksana dari 1 Julai hingga 31 Dis 2022.

"Dengan mengekalkan pemberian rebat semasa dan tanggungan kos surcaj ICPT sepenuhnya kepada semua pengguna domestik, kerajaan memperuntukkan dana RM2.3 bilion untuk menanggung kos tersebut," menurut kenyataan itu.

ST memaklumkan kerajaan memperuntukkan RM3.5 bilion untuk memastikan surcaj ICPT semasa dikekalkan kepada pengguna bukan domestik seperti komersial dan industri daripada dikenakan keseluruhan surcaj yang sepatutnya pada 11.81 sen/kWj.

Menurut ST, berlaku peningkatan dalam kos bahan api dan kos penjanaan lain sebanyak RM7 bilion atau bersamaan dengan surcaj ICPT pada kadar 11.81 sen/kWj bagi tempoh 1 Jan hingga 30 Jun 2022.

Ia ekoran kenaikan harga arang batu di pasaran dunia mencecah AS$265 per tan berbanding kadar AS$79 per tan yang diunjurkan dalam kadar tarif asas Tenaga Nasional Bhd (TNB dan antara puncanya ekoran krisis global dan kekangan bekalan arang batu dunia.

urusan dengan seorang individu memperkenalkan diri sebagai Agnes dari SP ECommerce untuk urusan tawaran kerja secara dalam talian.

"Dia dimaklumkan dengan kaedah atau cara membeli pelbagai produk bagi tujuan menaikkan *rating* dan mangsa dijanjikan imbuhan komisen selepas barangan dijual 'syarikat' berkenaan.

"Selama tiga hari sehingga semalam (kelmarin), mangsa melakukan lapan transaksi pembelian barangan dengan jumlah berbeza," katanya.

Menurutnya, mangsa yang mengejarkan pulangan lumayan berkenaan terus melakukan transaksi berkenaan sehinggalah mangsa menyedari segala barangan dikehendaki untuk dibeli oleh sindiket tidak wujud.